

# Lokasi Agama Dalam Ideologi Negara

Clarissa Lee Ai-Ling<sup>1</sup>

Komuniti Seni Jalan Telawi,  
MALAYSIA

Berdasarkan pemantauan kerajaan Malaysia bagi tahun 2000, 60.4 peratus daripada populasi di Malaysia dikatakan adalah penganut Islam, 19.2 peratus adalah Buddhist, 9.1 peratus penganut Kristian, 6.3 peratus adalah penganut Hindu dan 2.6 peratus lagi adalah penganut Confucianism, Taoism dan agama-agama tradisional Cina. Selainnya merupakan penganut-penganut Sikhism, Baha'i dan lain-lain yang tidak tersenarai. Tetapi, dari senarai di atas, Buddhism, Confucianism dan Taoism bukanlah agama, tetapi falsafah yang berpusatkan manusia dan alamnya. Sikhism dan Baha'i pula merupakan fahaman yang berdasarkan tok guru yang telah mempopularkan ajaran mereka sehingga menjadi satu agama. Sebaliknya, berdasarkan kepada definasi moden yang telah diberikan kepada *agama* oleh pandangan berciri 'materialist' menganggap bahawa agama muncul disebabkan ketidakpuasan terhadap ketidakadilan dan kejahilan dalam masyarakat.

Mengikut, Stephen Hunt dalam bukunya *Religion and Everyday Life* (London: Routledge, 2005), sumber emosi yang mencirikan pengamalan ritual dalam agama merupakan perasaan yang dialami oleh manusia 'primitif' dalam kehadiran sesuatu yang dianggap mistikal dan misterius yang telah diberikan nama *mana*, satu perkataan Polynesian. *Mana* membawa maksud rasa gentar yang bercampur-aduk dengan rasa takjub terhadap alam duniawi dan fenomena yang wujud dalamnya. Berdasarkan interpretasi sedemikian, kita boleh misalkan falsafah manusia yang bercirikan ajaran kehidupan, dan yang tidak berdasarkan deiti mahupun tuhan, sebagai juga agama. Maka, semua yang diperihalkan di atas bolehlah diklasifikasikan sebagai agama. Juga, biasanya penganutan agama-agama ini di Malaysia dihubungkan dengan pecahan kumpulan-kumpulan kaum dan etnisiti. Apa yang biasanya hilang dari wacana sebegini ialah kecairan

---

<sup>1</sup> Sarjana Fulbright dan pelajar pos-siswazah bidang Sastera, Duke University, Amerika Syarikat dari tahun 2008. Artikel ini pernah diterbitkan di laman [www.jalantelawi.com](http://www.jalantelawi.com).

dan kompleksiti sesuatu agama yang mempunyai mazhab-mazhab berbeza, dan juga penganut-peganutnya yang tidak boleh diacukan dengan jelas mengikut kaum.

Menurut laporan biro Demokrasi, jabatan *Human Rights and Labour* kerajaan Amerika Syarikat yang bertajuk “International Religious Freedom Report 2003”, kebanyakan penganut agama yang lain dari Islam menduduki Malaysia Timur dan pusat-pusat bandar. Malaysia Timur mempunyai paling ramai kaum etnik bergelar bumiputra yang menganuti agama Kristian, disebabkan populasi mereka yang kebanyakannya tertumpu di situ, walaupun proses migrasi telah membawakan mereka ke Semenanjung. Latar ini akan menjadi penting apabila saya membincangkan tentang layanan kerajaan Semenanjung terhadap kaum Bumiputra bukan Islam ini.

Pada 30hb Oktober 2005, akhbar *New Straits Times* telah menerbitkan satu artikel yang melaporkan apa yang telah berlangsung dalam Persidangan Ketujuh Persekutuan Kristian Malaysia (Christian Federation of Malaysia atau CFM), di mana ahli-ahli persidangan telah membincangkan kebimbangan mereka terhadap kehilangan perpaduan antara kumpulan-kumpulan agama/etnisiti di Malaysia. Adakah sekarang masanya untuk semua persatuan/persidangan agama di negara mula keluar dari persembunyian mereka dan mula berkata sesuatu tentang penyakit yang menular dalam bangsa? Kebanyakan mereka yang biasanya terlibat dalam hal-hal keagamaan biasanya tidak boleh/mahu campur tangan dengan hal berkenaan keautoritian sesebuah negara.

Sejarah menunjukkan bahawa agama tidak lari dari persengketaan politik, tidak kira sama ada agama itu mempunyai struktur politi yang jelas, seperti dalam Islam, mahupun tidak. Sejarah menunjukkan bahawa teokrasi pernah wujud dalam peradaban manusia, dan penganutan sesuatu agama ada kaitannya juga dengan faedah yang boleh diperolehi oleh masyarakat tersebut.

Restriksi dan tindakan-tindakan yang dikatakan mengecam/melampaui batasan hak individu/masyarakat juga menyebabkan kecurigaan sesama kumpulan dalam pergaulan sesama mereka. Dalam pada itu, menganaktirikan hak penganut-penganut agama lain, dan dalam masa yang sama mengamalkan cara-cara yang merendahkan intelek dan kebolehan fikir penganut-penganut agama Islam dengan penggubalan pelbagai fatwa dan perundangan, bertujuan mengawal dan menekan mereka agar berkelakuan mengikut

agenda ideologi yang telah ditentukan oleh mereka yang telah melantik diri sebagai pengawal moral ummah. Sememangnya di Malaysia, perkahwinan antara umat Islam dengan bukan Islam, walaupun yang beragama Kristian, iaitu penganut agama Kitab, tidak akan dibenarkan di sisi undang-undang. Maka, keragaman (pluralisme) yang sering disebut-sebutkan itu akan kekal di hujung lidah, tetapi tidak dapat dipraktikkan secara lebih mendalam. Saya akur bahawa terdapat banyak masalah yang dapat timbul melalui perkahwinan antara dua insan yang berbeza agama, terutamanya jika kedua-dua insan itu berpegang kuat pada agama masing-masing tanpa berkompromi. Dan sememangnya, kebanyakan agama yang bersifat monoteistik memang tidak banyak ruang untuk berkompromi. Tetapi, adakah itu sememangnya begitu, atau begitukah interpretasi yang telah menjadi dominan pada akhir-akhir zaman ini?

Adakah sememangnya dialog antara agama yang telah diadakan di Malaysia sememangnya dapat menambahkan kefahaman dan empati di kalangan penganut-penganut agama yang berbeza-beza, atau adakah ia hanya merupakan satu cara untuk tidak berkonfrontasi dengan isu-isu di dalam agama itu yang telah ditentukan dari mula, tanpa bicara, sebagai 'sensitif'. Siapakah yang menentukan samada sesuatu isu itu adalah sensitif atau tidak? Adakah dengan mengelak isu-isu yang telah 'disenarai-hitamkan' hanya merupakan satu alasan untuk tidak perlu berhadapan dengan duri-duri paradoks yang sememangnya wujud dalam sebarang agama/pegangan? Maka, apa yang diwujudkan ialah satu sifat toleransi yang mempunyai konotasi pejoratif, yang menuju kepada kemungkinan berlaku letusan dan perbalahan sesama penganut-penganut agama apabila dilemparkan kritikan, walaupun kritiknya tidak seserius mana, tetapi dianggap cukup serius oleh beberapa individu. Keengganan untuk melihat dan mengkonfrontasi isu-isu yang menjadi sumber perbezaan pendapat atau kecurigaan secara bertanggungjawab akan terus menghalang terbentuknya perpaduan yang tulen. Kedaifan kebanyakan orang-orang Islam di negara ini terhadap agama-agama lain, dan juga umat agama-agama lain terhadap Islam, menyebabkan terbentuknya persepsi-persepsi yang menyeleweng berkenaan agama-agama yang bukan agama mereka. Mereka, khususnya umat Islam, yang enggan mengakui kejahilan diri, atau merendahkan hati untuk lebih memahami tauhid dan dasar-dasar dalam agama-agama lain, telah menjadi rintangan kepada tercapainya dialog antara agama dengan jayanya. Penganut agama-agama lain juga takut untuk mengkritik apa yang mereka lihat sebagai masalah dalam Islam, samada itu benar-benar masalah, ataupun hanya masalah dalam amatan mereka, kerana bimbang akan dituduh menimbul

kekecohan, dan melanggar perlembagaan. Atau lebih buruk lagi, dikecam sebagai kafir yang ingin memecah-belahkan umat Islam.

CFM telah mengambil satu langkah berani dalam membawa masalah perpaduan kaum dalam agenda mereka. Namun, mereka belum lagi berani untuk melihat masalah ini dengan lebih dalam, iaitu masalah kondisi yang tidak membenarkan pertukaran idea secara terbuka. Memang wajar mereka berhati-hati, kerana hak kebebasan yang mereka punyai untuk menyuarakan ketidakpuasan mereka akan ditarik balik dengan secepat kilat sekiranya mereka dilihat sebagai 'melangari batasan'. Ramai lagi kumpulan Kristian yang tidak terlibat dengan CFM kerana bukan semua mazhab mahupun kumpulan Kristian di negara Malaysia mengambil sikap terbuka untuk terlibat dengan hal-hal yang dilihat sebagai luar dari lingkungan aktiviti 'keagamaan' mereka. Ini disebabkan oleh pelbagai perkara, dari perbezaan interpretasi kepada ketidakinginan untuk turut terlibat dalam apa yang dilihat sebagai 'politik luar'. Suara mereka terbenam, dan tidak kedengaran.

Cadangan Maximus Ongkili untuk mengadakan kursus *sensitization* terhadap kepluralan dalam agama patut dimulakan dari peringkat sekolah. Disebabkan oleh kepelbagaian dan kompleksiti dalam satu-satu agama, memang sukar untuk mendalaminya dalam kelas-kelas pengajian agama di sekolah (dan pengajian agama yang saya maksudkan di sini bukan tertakluk kepada pengajian agama Islam seperti yang dilaksanakan sekarang). Kenapa kita harus membuang duit pembayar cukai dengan usaha mengadakan kelas Islam untuk pelajar-pelajar Islam dan kelas Moral untuk pelajar-pelajar bukan Islam, yang hanya merenggangkan hubungan sesama pelajar-pelajar dari dua belah pihak? Bukankah lebih baik diadakan kelas Keagamaan untuk mereka dari pelbagai kaum, dengan pengajian secara *expansive*, dan bukan mendalam (ini boleh dilakukan kemudian, oleh individu tertentu yang mempunyai minat), tentang kesemua agama utama (dan minor) di dunia. Ini bukan cadangan radikal baru tetapi telah mula dipraktikkan di beberapa negara Eropah untuk mengatasi ketegangan keagamaan.

Pada pendapat saya, pihak berkuasa tidak seharusnya terasa kewibawaan agama Islam sebagai agama rasmi akan tergugat, kerana terdapat pelbagai cara lagi untuk pelajar-pelajar Islam mendapat pendidikan keagamaan mereka. Ini boleh dilakukan di luar waktu sekolah biasa. Kalau tidak, bagaimana mungkin penganut-penganut agama lain yang tidak mempunyai 'kelas ugama' di sekolah berjaya berbuat demikian? Ini bukan saja akan

menbina perpaduan yang sebenarnya, tetapi akan membina keprihatinan terhadap kepercayaan orang lain dari usia kecil lagi. Duit juga dapat diijamatkan dengan menumpukan kemudahan dengan lebih efektif dan efisien. Dan bangsa yang dibina di negara ini akan jauh lebih bertamadun dan maju lagi.

Ketidak-ikhlasan kerajaan dan pihak-pihak berkuasa terhadap penganut-penganut agama lain jelas dilihat dari pelaksanaan mengharamkan beberapa buku bersifat keagamaan, termasuk Kitab Injil dalam bahasa-Iban, bahasa ibunda penganut Kristian bumiputra Sarawak. Ini telah berlaku pada tahun 2003, dan hanya dengan bantahan nyaring dari komuniti ini yang pengharaman itu telah ditarik semula. Ini satu tindakan dungu yang meremehkan peruntukan yang telah digariskan dalam Bahagian II, Artikel 11, Perlembagaan Malaysia, iaitu, Hak Kebebasan Asas, yang membenarkan penganut-penganut agama lain, termasuk Kristian, untuk mempraktik rukun-rukun agama mereka tanpa diganggu. Jelasnya, kerajaan telah menunjukkan diri mereka tidak jujur dalam menghormati hak yang telah disenaraikan dengan jelas dan dijamin bawah perlembagaan.

Namun, tidak boleh dikatakan bahawa perlembagaan tiada kelemahannya. Contohnya. dalam fasal 4 perkara 11 yang sama, penganut-penganut agama lain dikatakan tidak boleh menjalankan aktiviti dakwah terhadap penganut-penganut agama Islam. Kalau dikatakan aktiviti dakwah dengan cara cuba memaksa atau menekan seseorang penganut agama lain untuk memasuki agama pendakwah itu, memangnya tidak patut. Tetapi kalau umat Islam itu sendiri berminat untuk mengenali lebih lanjut tentang agama lain, yang tidak semestinya menjadikan mereka murtad, ini harus diterima dengan baik. Tiada sesiapa yang dapat memelihara keimanan seseorang individu melainkan individu tersebut. Apa yang boleh dibuat orang lain hanya memberi ingatan dan nasihat. Kalau wujudnya klausa dalam perlembagaan itu adalah disebabkan ketidakpercayaan kerajaan terhadap kebolehan dan keimanan umat Islam di Malaysia, bukankah ini bermaksud bahawa penganut agama Islam, yang kebanyakannya telah turun berpuluh-puluh, walaupun tidak beratus generasi yang beragama Islam, belum lagi cukup matang untuk menentukan hubungan mereka dengan Allah? Adalah ironis bahawa pembangunan Islam yang ingin digerakkan JAKIM<sup>2</sup> mengandungi insiniasi yang memperkecilkan kebolehan ummah Islam Melayu Malaysia untuk berdikari.

---

<sup>2</sup> Lihat <http://www.islam.gov.my/e-rujukan/lihat.php?jakim=464>.

Harus diakui bahawa agama dengan sendirinya tidak menjadi pemisah atau jurang sesama manusia, tetapi cara umat dalam agama tersebut berperangai. Selagi tiada langkah untuk mengakui kewujudan persoalan-persoalan ini, dan gerakan untuk berhadapan dengannya, kita akan terus hidup dalam *zaman gelap* perpaduan.

\*\*\*\*\*